

19 JUL 1999

Zaharah-Kursus

WANITA UMNO ADAKAN KURSUS JANA SEMANGAT

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Pergerakan Wanita UMNO akan menganjurkan satu kursus khas bagi menjana semangat patriotik dan sekaligus berusaha menjamin kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang.

Ketua pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata seramai 225 peserta termasuk fasilitator telah dipilih menyertai kursus tiga hari itu di Langkawi.

"Mereka ini merupakan 'key personnel' dalam parti-parti komponen BN," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas ahli jawatankuasa pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, hari ini.

Katanya, Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan kursus itu di PWTC Rabu ini.

Menurutnya, kursus tersebut bertujuan meningkatkan semangat patriotik pemimpin parti dan anggotanya agar dapat bergerak di atas landasan yang betul bagi memastikan kemenangan parti dan BN.

"Kursus tersebut tidak akan memfokuskan kepada isu-isu wanita sahaja, tetapi lebih kepada beberapa isu sejagat yang boleh membawa kepada kesejahteraan rakyat umumnya," kata beliau.

Ketika menjawab soalan pemberita mengenai kemungkinan mengadakan debat terbuka dengan pihak pembangkang, Zaharah berkata pihaknya tidak akan sama sekali berbuat demikian kerana menganggap ia perkara remeh.

"Apa yang penting sekarang ialah memastikan kemenangan parti. Kita tidak mahu cakap, tapi tak serupa bikin, kita hanya cakap apa yang kita bikin," katanya.

--BERNAMA

nha zb